



# ***BRITISH INVENTION SHOW (BIS) 2009***

**B**ritish Invention Show (BIS) 2009 yang telah diadakan pada 14 - 17 Oktober 2009 di Alexandra Palace, London menerima penyertaan dari 15 buah negara. Dalam pertandingan ini, hampir 200 produk telah dipamer dan dipertandingkan. BIS dianjurkan oleh British Inventors Society yang ditaja oleh rakan kerjasama kerajaan British seperti UK Patent Office, Business Link dan Welsh Assembly Government. Pada penyertaan kali ketiga tahun ini, UniMAP telah menghantar dua produk penyelidikan untuk bertanding di pameran tersebut iaitu 'ShoeNIX - An Optimized OS' oleh Profesor Madya Dr. R Badlishah Ahmad dan Shuhaizar

Daud dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan dan 'Silica NanoTube' oleh Dr Fazlul Bari dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan.

Berdasarkan tahap kualiti produk penyelidikan ditambah dengan persembahan yang meyakinkan kepada pihak juri, kedua-dua produk tersebut telah berjaya memenangi pingat emas. Bukan setakat itu sahaja, malah produk 'ShoeNIX - An Optimized OS' oleh Profesor Madya Dr. R Badlishah Ahmad dan Shuhaizar Daud telah berjaya memenangi dua lagi anugerah khas iaitu 'Double Gold' bagi kategori 'Industry' dan 'Design'